

Bil. S 77

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH EKSAIS (PINDAAN), 2017

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
 2. Pemasukan bab 13A baru ke dalam S 40/2006
 3. Pindaan bab 70
 4. Pindaan bab 161
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH EKSAIS (PINDAAN), 2017

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Eksais (Pindaan), 2017.

Pemasukan bab 13A baru ke dalam S 40/2006

2. Bab 13 dari Perintah Eksais, 2006, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 13 bab baru yang berikut —

“Kuasa Menteri untuk menunda duti eksais dll.

13A. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan peraturan-peraturan, berhubung dengan barang-barang berduti yang dibawa masuk oleh mana-mana orang dalam masa menjalankan atau bagi meneruskan apa-apa perniagaan yang dijalankan olehnya —

(a) mengadakan peruntukan bagi pembayaran duti eksais ditunda dan tertakluk kepada kehendak-kehendak dan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh Pengawal;

(b) membenarkan barang-barang itu dipindahkan daripada tempat pengilangan yang dinyatakan dalam suatu lesen di bawah bab 53, gudang Jabatan Pelabuhan, gudang eksais atau gudang berlesen, mengikut mana yang berkenaan, menurut peraturan-peraturan itu walaupun duti eksais yang boleh dikenakan ke atas pengimportannya belum lagi dibayar.

- (2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah cerai (1) —

(a) boleh memperuntukkan bahawa barang-barang itu boleh, tertakluk kepada kehendak-kehendak dan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh Pengawal;

(b) menghendaki orang itu untuk menerangkan dan membayar duti eksais yang boleh dikenakan ke atas pengimportan barang-barang itu dalam bentuk dan mengikut cara, dalam tempoh dan kepada orang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengawal.”.

Pindaan bab 70

3. Bab 70 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan “(1)” sejurus sebelum “No” dalam baris pertama;

(b) dengan memasukkan sejurus selepas proviso ceraian baru yang berikut —

“(2) Untuk mengelakkan keraguan, ceraian (1) tidak dikenakan kepada barang-barang berduti jika Pengawal telah memberikan kebenaran bagi pemindahannya yang berkaitan dengannya pembayaran duti eksais ditunda menurut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 13A.”.

Pindaan bab 161

4. Bab 161 dari Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan “or any regulations made thereunder” sejurus selepas “Order” dalam baris pertama.

Diperbuat pada hari ini 29 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 21 haribulan September, 2017 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM